



ثجابه ستيأوسها كراجان نكري كلنتن

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN

NEGERI KELANTAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Blok 2, Aras 2, Kota Darulnaim,  
15503 KOTA BHARU  
KELANTAN.

Tel : 09-748 1957  
Pengaruh : 09-748 5826  
Faks : 09-747 0890 /  
: 747 4152 / 748 2652  
E-mail : bpsm@kelantan.gov.my

Ruj. Kami : SUK.D.200(06)670/185 (2)  
Bertarikh : 18 Rabiulakhir 1440H  
26 Disember 2018M

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan  
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan  
Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Pengarah Urusetia Kerajaan Negeri

YB. Dato' / YM Dato' Tengku / YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

#### PERGERAKAN GAJI TAHUN 2019

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pergerakan gaji bagi semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan bagi Tahun 2019 boleh dilaksanakan dengan syarat anggota-anggota telah menyempurnakan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) masing-masing bagi tahun 2018 dengan menggunakan aplikasi HRMIS dan disahkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) jabatan masing-masing kecuali bagi anggota-anggota yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran. Dinasihatkan PPSM yang berkenaan supaya memaklumkan bahawa pegawai/ kakitangan yang mendapat markah LNPT di bawah 70% tidak diberikan Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) sebagaimana Surat Pekeliling Persekutuan Bilangan 8 Tahun 2011 para 6.

3. Sekiranya mana-mana anggota gagal menyempurnakan Borang Laporan Penilaian Prestasi bagi tahun 2018 dengan menggunakan aplikasi HRMIS tersebut sehingga 31 Disember 2018, maka pergerakan gajinya hendaklah tidak diberikan sehingga anggota berkenaan menyempurnakan borang tersebut dan disahkan melalui PPSM jabatan masing-masing.

TELAH DIEMAILKAN PADA

3.01.2019

4. Di atas kerjasama YB. Dato' / YM Dato' Tengku / YBhg. Dato' / tuan / puan dalam perkara ini diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, wassalam.

**\* RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT \***  
**\* MEMBANGUN BERSAMA ISLAM \***

Dengan hormatnya,



**DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, S.P.S.K (Kelantan)**  
**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**